

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 19 RABU 13 MEI, 1970 رابو 7 ربيع الاول 1390 PERCHUMA

Kawasan untok pasar malam sedang di-chari

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei-Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata, kerajaan berchadang akan mengadakan pasar malam bagi menggantikan gerai2 makan di-belakang Panggong Wayang Boon Pang Baru, di-Bandar Brunei.

Beruchap di-majlis sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Brunei-Muara di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada minggu lepas, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman berkata, pembenaan gerai2 di-pasar malam itu akan di-laksanakan apabila kawasan dan lain2 kemudahan yang di-perlukan diperolehi.

Pegawai Daerah itu juga menasihatkan kapada tuan2 punya gerai yang telah di-tutup lebeh dari tiga bulan itu, supaya berusaha menchari jalan bagi menghidupkan semula perniagaan mereka dan tidak menunggu hingga pasar malam yang di-chadangkan itu siap.

Kata-nya, keutamaan akan di-berikan kapada raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok memileki gerai itu, dan mereka boleh-lah memohon semula apabila pengumuman di-keluarkan.

Menyentuh tentang pasar di-Bandar Brunei, beliau berkata pehak Jabatan masa ini sedang mengkaji untok menyusun semula chara2 penjualan ikan, sayur dan daging yang lebeh baik.

Dalam sidang pada hari itu tidak ada usol yang di-kemukakan, bagaimana pun beberapa pertanyaan bertulis telah di-kemukakan oleh ahli2-nya. Wakil kawasan Pahlawan Awang Mohamad Salleh bin Aliakbar telah memberikan ucapan penanggoahan.

Yang Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Filipina, Andres Soriano Jr. sedang menyampaikan piala khas kapada ketua pasukan bola sepak belia Brunei, Pengiran Idris bin Pengiran Shahbandar Haji Mohammad. Pasukan Brunei telah di-badiahkan piala tersebut kerana permainan mereka yang baik sepanjang perlawanan2 itu. Berita lanjut di-siarkan di-muka 6.

Lebeh 9,000 akan sertai perarakan

BANDAR BRUNEI. — Lebeh dari 9,000 orang umat Islam dari 67 buah pasokan akan mengambil bahagian dalam perarakan Maulud Nabi yang akan di-adakan pada hari Isnin 18 Mei di-Bandar Brunei.

Setia Usaha Perarakan, Awang Haji Mohammad Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad berkata, pasokan2 itu ada-lah mewakili persatuan2 belia, sekolah2, maktab2, kampung2 dan Jabatan2 Kerajaan di-Bandar Brunei.

Beliau menyatakan bahawa ini ada-lah bilangan yang terbesar pernah mengambil bahagian dalam perarakan sa-rupa ini dari tahun2 yang lepas.

Kata-nya Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, akan menghantar satu pasokan yang mengandongi 1,460 orang penuntut.

Awang Haji Mohd. Tarif juga mengingatkan kapada mereka yang belum lagi menghantar permohonan mereka untok menyertai perarakan tersebut (Lihat Muka 8)



Gambar menunjukkan Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman sedang menyampaikan pingat tersebut kapada Ketua Kampung Belimbing, Subok.

56 ORANG PENGHULU, KETUA2 DI-KURNIAKAN PINGAT PUSPA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan menganugerahkan Pingat Puspa kapada 56 orang Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-Daerah Brunei/Muara sa-bagai memperingati hari kepuspaan Baginda.



Pingat2 Puspa itu telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim dalam satu majlis yang di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman dalam ucapan-nya sebelum menyampaikan pingat2 itu telah berkata bahawa penganugerahan pingat2 itu ia-lah kerana memperingati jasa2 dan tugas Penghulu2 dan Ketua2 Kampung kerana menjalankan kewajipan mereka sa-tiap hari terutama semasa menyambut hari kepuspaan Duli Yang Maha Mulia.

Pegawai Daerah itu juga mengingatkan bahawa jika ada sa-suatu perkara yang timbul di-kampung masing2, Penghulu2 dan Ketua2 Kampung hendak-lah berhubung dengan Pejabat Daerah untok mendapatkan nasihat2 yang perlu bagi mengatasi sa-barang keraguan di-kawasan masing.

DENGAN keadaan yang saya sebutkan dalam siri pertama renchana ini kita membuat beberapa kesimpulan bahawa kelemahan2 yang menyebabkan pengeluaran yang begitu kecil ada-lah di-sebabkan oleh ketiadaan organisasi2 yang sesuai pemasaran2 yang terkongkong, alat2 dan teknik2 serta kemudahan2 yang agak purba dan akhir-nya ketiadaan ilmu pengetahuan yang bersains dan teknologi. Kehilangan hasil itu tadi menyebabkan kecil-nya pendapatan; maka bertambah lumpoh-lah lagi keadaan itu apabila di-bandingkan dengan mata pencharian yang lain.

Jadi dengan kedudukan yang seperti ini tidak hairan-lah sabagian besar daripada tenaga yang menchaborkan diri mereka dalam mata2 pencharian yang saya sebutkan itu hanya menghasilkan sabagian yang amat kecil daripada hasil negara. Keadaan ini sudah tentu membayangkan kedudukan ekonomi keluarga mereka yang terlibat tertalok kepada perkhidmatan2 Kerajaan melalui Jabatan2 seperti Pelajaran, Perubatan, Kebajikan dan Ugama. Jika sekiranya bukan kerana perkhidmatan2 yang perchuma itu sudah tentu kehidupan mereka yang mempunyai mata2 pencharian yang saya sebutkan itu tadi agak singkat daripada apa yang sebenarnya terdapat pada masa ini. Dengan ada-nya kemudahan2 Pelajaran yang perchuma, perkhidmatan kesihatan yang perchuma dan ketiadaan pengutipan2 chukai menyukai yang lazim di-adakan di-negara2 lain maka perbezaan kehidupan di-antara mereka yang bermatapencharian yang tidak tersusun itu dengan mereka yang telah berkembang dan bertamadun tidak-lah begitu nampak dan terasa seperti keadaan di-negara2 yang lain. Sa-benar-nya perbezaan kehidupan; sama ada dari aspek ekonomi mahupun sosial di-negeri ini tidak begitu luas. Wal-hasil sedangkan di-negara2 yang berkembang perbezaan dalam aspek ini-lah yang menjadi satu masalah besar sama ada dari segi ekonomi, sosial lebeh2 lagi politik. Alhamdulillah bagi kita di-Brunei perkara seperti ini tidak begitu serious.

PERUSAHAAN MINYAK

Itu-lah sa-banyak sedikit tentang isi2 mata2 pencharian yang menyumbangkan 20% daripada hasil negara tetapi melibatkan 80% tenaga2 yang boleh bertugas di-negeri ini.

Saya ingin menyentuh sedikit perihal perusahaan minyak dan gas yang bertanggungjawab bagi mendapat lebeh 80% daripada hasil negara itu. Kita sama2 ma'alom bahawa hasil2 pendapatan; sama ada berupa bayaran chukai atau pun royalti dari perusahaan minyak ada-lah satu usaha atau sum-

RANCHANGAN PEREKONOMIAN DI-BRUNEI

(SIRI KEDUA)

Oleh:

AWANG ABD. AZIZ UMAR AL-HAJ.

ber kekayaan bagi negeri ini. Saya telah di-fahamkan bahawa sa-belum ada-nya hasil2 minyak ini, Negeri Brunei bergantung kuat kepada hasil2 dari sewa tanah, stem, chukai2 dari Kastam dan sa-hingga di-adakan chukai kepala. Maka memang pada masa itu pendapatan Kerajaan agak sengkat tetapi sa-telah ada-nya hasil2 pungutan daripada pengeluaran minyak tanah, maka hasil2 yang lama itu tidak-lah begitu seknifikan lagi. Sekarang boleh di-katakan ekonomi negara ini bersandar kuat kepada perusahaan minyak dan gas sama ada daripada segi jumlah pendapatan mahupun setibiliti kewangan Brunei di-luar negeri. Pengeluaran minyak daripada minyak Seria sejak tahun ka-20an dan ka-30an telah bertambah dan meningkat tinggi sa-hingga pada akhir tahun ka-50an dan awal tahun ka 60an pengeluaran minyak itu telah berkekurangan. Tetapi mulai dari akhir tahun ka-60an walaupun pengeluaran di-padang minyak Seria bahagian darat telah berkekurangan namun pengeluaran bahagian laut yang di-usahkan dengan aktif-nya itu telah dapat menimbal kekurangan pengeluaran di-bahagian darat tadi. Pada keseluruhan-nya jika dahulu hanya pengeluaran kita setakat 83,000 tong pada sehari sekarang telah meningkat kepada 125,000 tong sa-hari. Dengan penggubalan dan pindaan undang2 serta perubahan2 perjanjian mengenai dengan perusahaan ini yang telah di-laksanakan baru2 ini dan dengan bertambah-nya pengeluaran itu tadi hasil daripada minyak itu dengan sendiri-nya meningkat hingga kedudukan penanaman model kita di-sebarang laut telah meningkat kepada satu angka yang boleh di-katakan tidak menghuatirkan jika di-pandang dari segi ada-nya kemudahan2 pertukaran wang antara bangsa, dan ada-lah lazim bagi negeri ini mendapat kelebihan (surplus) dalam peruntokan2-nya pada tiap2 tahun walaupun kerap kali terdapat pada ramalan-bahawa surplus itu akan menjadi kekurangan (deficiet). Pendek kata kedudukan negara kita jika di-tilek semata2 dari

aspek kawangan ini ada-lah satu perkara yang boleh di-sifatkan sa-bagai sehat dan tidak menchurigakan, sekurang2-nya pada jangka pendek.

Tetapi jika di-pandang daripada aspek sandaran ekonomi yang tertumpu kepada satu sumbar yang tunggal itu lebeh2 lagi sumbar tunggal ini berharap kepada pasaran sebarang laut yang bukan di-bawah kuasa atau kawalan kita sendiri, memang-lah perkara itu bukan-lah satu hal yang dapat di-rengan2kan. Selain dari itu kita harus sama2 menyedari bahawa dengan ada-nya pendapatan2 baharu dan kemajuan2 sains dan teknologi ada kemungkinan satu masa nanti kegunaan minyak tanah sa-bagai satu sumbar kuasa atau power akan kurang seknifikan-nya, ia-itu sama seperti jatohnya arang batu pada kurun yang ke-19. Dengan keadaan ini sandaran kuat kita kepada minyak itu tadi sangat-lah mengkhawatirkan.

TENAGA TEMPATAN

Dari segi penyertaan atau peluang2 yang boleh di-masuki oleh anak2 tempatan dalam perusahaan minyak ini pada masa2 yang sudah2, dan sa-hingga sekarang memang-lah hanya terhad kepada peringkat yang rendah sedangkan peringkat2 teknikal, profesional dan pengurusan boleh di-katakan bulat2 di-kendalikan oleh kakitangan2 yang di-datangkan dari sebarang laut. Maka setakat itu sedikit saja yang dapat di-nekmati oleh tenaga2 tempatan. Walau bagaimana pun bagi mereka yang mempunyai kemampuan atau kebolehan sa-bagai sebarang kakitangan perusahaan minyak itu boleh di-katakan mempunyai satu taraf hidup yang istimewa, ia-itu di-telik dari segi perumahan, kemudahan2 kesihatan dan lain2; bukan saja istimewa menurut taraf di-negeri ini bahkan boleh di-katakan salah satu daripada taraf yang tertinggi di-Tenggara Asia pada masa ini.

Selain dari itu ada-lah juga berfaedah supaya beberapa ketika di-khaskan untuk mere-

nongkan penanaman model negeri ini di-sebarang laut. Kita semua faham dan ma'alomi bahawa sebahagian besar daripada penanaman model kita di-sebarang laut itu pada keseluruhan-nya ada-lah tertumpu kepada satu kawasan kewangan. Akibat-nya telah sama2 kita saksikan baru2 ini ia-itu jatoh-nya nilai harga £ sterling yang menyebabkan negara kita terlibat lebeh dari 100 juta ringgit.

Dengan keadaan yang seperti itu ada-lah lojik supaya tindakan2 atau ranchangan2 di-atorkan bagi faedah2 mengatasi masa alah2 yang rumit dalam beberapa aspek perekonoman negeri ini sambil mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara. Bersabit dengan ini tindakan2 Kerajaan melalui Ranchangan Kemajuan Negara 1962 — 1966 itu ada-lah lojik dan berpatutan; terutama sekali tujuan yang akan memperluaskan lagi perindustrian atau sandaran ekonomi negara supaya ia-nya tidak bersandar kuat kepada satu industri yang tunggal ia-itu minyak.

PERSEDIAAN ASAS

Objektib ini memang kita semua ma'alomi dan kita sama2 menyaksikan bahawa Kerajaan sedang giat berusaha untuk mengator dan meranchangkan persediaan asas supaya dapat menolong meminimalkan perusahaan2 yang lain daripada minyak itu. Harus tidak banyak yang menyedari apakah dia persediaan asas yang telah dan sedang di-usahakan oleh Kerajaan dan harus juga ada sebilangan yang tidak mengakui usaha2 itu sa-bagai satu langkah asas untuk menimbulkan aneka. industri atau perusahaan ekonomi negara seperti yang di-maksudkan oleh Kerajaan melalui ranchangan perkembangan lima tahun-nya itu. Saya hanya akan menyebut projek2 itu dengan tidak payah menghadapkan butir2 lanjut mengenai tiap2 tiap2 satu-nya. Projek2 ini adalah pembinaan jalan yang menghubungkan dan berusaha untuk menghubungkan seluruh kawasan di-negeri ini; sama ada tempat2 yang lazim di-datangi atau pun tempat2 yang terpenchil dan sekarang sudah boleh di-datangi. Kalau-nya kita biasa memakai lampu2 berpam dan suloh dari minyak tanah, sekarang dengan ada-nya projek perbakaan elektrik boleh di-katakan sebahagian besar daripada penduduk2 negeri ini sedang menikmati hasil daripada projek perbakaan elektrik itu dan tidak heran sedikit masa lagi seluruh kawasan di-negeri ini tidak akan di-kechualikan daripada projek eletrik itu. Lain2 projek ia-lah

(Lihat Muka 6)

KHUTBAH JUMA'AT

Pengaruh pakaian dan pergaulan yang menjulok mata di-kalangan muda-mudi Islam

DI-MASA yang akhir2 nampak-nya masha-rakat Islam telah banyak terpengaruh lebeh2 lagi kaum muda, laki2 dan perempuan terutama di-dalam hal pakaian dan pergaulan, yang mana kedua2 ini sentiasa kita lihat, kita jumpai sa-tiap sa'at dan ketika. Pakaian yang menjulok mata telah menjadi2, sa-kira-nya kita tidak ketahui dia sa-orang Islam, maka sang-at-lah susah hendak di-kenali yang mana Islam dan yang mana bukan Islam. Dan perkara ini di-tambah pula dengan per-

gaulan di-antara laki2 perempuan yang sangat bebas. Perkara ini tentu banyak orang2 Islam sendiri berpendapat bahawa itu ada-lah perkara kechil dan banyak lagi perkara besar patut di-sebut atau di-perbaiki saperti judi, minum arak, pelachoran dan lain2 lagi.

Dan apabila di-ingatkan perkara2 besar pula tentu bermacam2 lagi dalih dan pendapat2 yang di-tunjukkan dan menyalahkan pehak2 yang tertentu, maka jarang sekali mereka insaf, atau melihat diri sendiri sama ada pernah membuat atau sa-balek-nya. Jika pernah membuat patut-lah di-hentikan dan jika tidak pernah

membuat, bershukor-lah kita ka-hadzarat Allah yang mana kita telah selamat daripada ma'asiat itu dan berusaha sa-bagai sa-orang Islam menyelamatkan saudara2 Islam yang telah terchebor ka-dalam ma'asiat itu.

Daripada pakaian yang tidak sopan dan mendzahirkan aurat yang di-larang oleh Allah di-buka di-hadapan bukan muhrin-nya ada-lah membawa kepada kerosakkan diri orang itu sendiri dan bukan pula mendatangkan keburukan di-dalam masyarakat yang mana tiap2 manusia ada mempunyai nafsu dan nafsu itu jika tidak dapat di-kawal oleh akal-nya yang siuman. Ini telah diterangkan oleh Allah subhahu-wataala di-dalam Al-Quran surat Al-Ahzab ayat 59 yang bermaksud:

"Wahai Nabi, katakan-lah kepada isteri engkau, anak2 perempuan engkau dan perempuan2 yang beriman supaya mereka menutup tuboh-nya dengan baju ketika mereka berjalan keluar, maka dengan demikian itu mereka tidak diganggu dan Tohan ada-lah sangat pengampun lagi penyang".

Dari maksud ayat di-atas kita dapat memahami bahawa perempuan2 yang berjalan dengan pakaian yang sempurna (menutup aruat) ada-lah dipandang sa-bagai perempuan yang bersopan santun dan di-segani.

Maka dari sini patut-lah tiap2 orang Islam membuat segala amalan atau melakukan segala kelakuan yang baik, hendak-lah jangan terkeluar dari garisan yang di-haruskan oleh Uagama Islam, kerana jika kita sendiri keluar dari garisan itu tidak-lah lain bahawa orang itu akan rugi dan kaum Islam seluroh-nya, sa-bagai mana yang telah di-terangkan oleh Allah di-dalam Al-Quran sa-bagai amaran kepada orang2 Islam di-dalam surat Fatir ayat 8 yang bermaksud:

"Adakah orang yang memandang baik akan perbuatan yang burok itu lalu dia (perbuatan burok) itu di-anggap-nya baik, sa-sunggoh-nya Tohan membiarkan sesat kepada siapa yang di-kehendaki-nya dan di-beri petunjuk kepada siapa yang di-kehendaki-nya, sebab itu jangan-lah biasakan diri engkau kerana perbuatan engkau sendiri, sa-sunggoh-nya Tohan itu maha mengetahui apa yang mereka buat".

Oleh itu hendak-lah tiap2 orang Islam bertanggungjawab di-atas diri-nya sendiri dan orang2 di-bawah jagaan-nya, jangan-lah di-biasakan merengankan perkara2 yang di-sangka-nya kechil itu, tetapi akibat-nya ada-lah burok jika di-pandang dari masa ka-satu masa, terutama sekali anak2 yang maseh kechil dan mentah dan maseh berseh dari segala perkara, maka ibu bapa-lah yang menchorakkan anak2 itu sama ada baik atau sa-balek-nya. Moga2 kita akan mendapat keredzaan Allah dan berjaya di-dunia dan di-akhirat.

Sambutan Pesta Maulud Nabi

TUTONG.—Badan Penerangan Uagama Islam Jabatan Hal Ehwal Uagama Tutong, akan mengadakan sambutan Pesta Maulud Nabi di-Dewan Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong pada 16 Mei, ini.

Sa-orang juruchakap jawatan-kuasa sambutan itu berkata, antara achara2 yang akan di-persembahkan ia-lah peraduan berzanji, yang terbuka kepada penduduk2 Daerah Tutong.

Ini ada-lah untuk memilih dua orang peserta, lelaki dan perempuan bagi mewakili daerah itu ka-peraduan berzanji perengkat negeri yang akan berlangsung di-Pekan Bangar pada 23 Mei.

Borag2 permohonan untuk menyertai peraduan itu bo-

leh di-dapati daripada Setia Usaha Sambutan di-Jabatan Hal Ehwal Uagama Tutong, dan dari imam2 di-semua masjid Daerah Tutong. Borag2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan ka-Jabatan Hal Ehwal Uagama Tutong.

151 orang chalun masok pereksa trengkas, menaip

BANDAR BRUNEI.—Saramai 151 orang chalun akan mengambil peperiksaan2 trengkas; menaip dan ilmu menyimpan kira2 bagi penggal kedua pada 19 Jun hadapan.

Peperiksaan itu akan diada di-Sekolah Melayu Pusu Ulak Bandar Brunei dan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Peperiksaan itu di-bahagikan kepada tiga perengkat — permulaan, menengah dan tertinggi.

Sa-ramai 91 orang chalun akan memasuki peperiksaan menaip. 47 daripada-nya perengkat permulaan; 26 menengah dan 18 tertinggi.

Dalam peperiksaan trengkas, dari 58 orang chalun, 31 perengkat permulaan; 18 menengah dan 9 perengkat tertinggi.

Dua orang lagi chalun akan mengambil peperiksaan ilmu menyimpan kira2 perengkat permulaan.

Peperiksaan itu di-anjarkan

oleh Institute Trengkas Melayu Malaysia dan di-kekelakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran Brunei.

\$5,209.00 di-kutip dalam Pasar Ria

SERIA.—Majlis Masharakat Daerah Belait telah mengutip sa-banyak \$5,209.00, hasil dari Pasar Ria yang di-adakan-nya di-Gelanggang Sokan, Seria yang telah di-adakan selama lima hari.

Majlis tersebut memberikan bantuan kewangan kepada orang2 miskin yang memerlukan-nya.

Dalam bulan Mach dan April tahun ini, majlis telah mengeluarkan wang sa-banyak \$1,483.00 dan \$1,340.00.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13 Mei 1970 hingga ka-hari Selasa 19 Mei 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
13 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
14 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
15 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
16 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-57	6-05
17 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-57	6-05
18 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
19 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-57	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



13hb. Mei. 1970.

HARAPAN BANGSA

KAATA2 sakti dari sa-orang pujangga bahawa pemuda ada-lah harapan bangsa yang sering menjadi slogan dalam sa-barang perhimpunan pemuda pemudi itu telah di-dekankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri dalam ucapan beliau merasmikan pembukaan dewan baharu PERKASA dalam minggu lepas.

Datang-nya seruan itu dari pada sa-orang pujangga Brunei sendiri haruslah di-sambut baik oleh pemuda pemudi untuk membuktikan bahawa mereka sedia berkhidmat bagi menjaga nama baik negara dan bangsa dan mengekalkan "identiti dan imej" Brunei yang baik untuk di-cherminkan kepada lain2 bangsa di-dunia ini.

Kesedaran pemuda atas tanggung jawab mereka terhadap bangsa dan negara ini terbukti dari hasil penyertaan pemuda pemudi dalam apa peristiwa jua baik dalam negeri mahu pun di-kalangan antara bangsa. Pemuda2 kita tidak keberatan menyumbangkan tenaga dan dengan suka rela sedia mengambil bahagian dalam projek2 kebajikan seperti mendirikan rumah orang2 miskin yang di-timpa kemalangan dan membuat amal membersekan tanah2 perkuburan, jalan2 kampung dan pantai perancangan sa-chara bergotong royong.

Pemuda giat dalam usaha meninggi dan mengekalkan seni dan kebudayaan negara dan persembahan2 seni dan kebudayaan yang di-saksikan dalam temasha2 menyambut dan merayakan sesuatu hari kebesaran negara ada-lah lazim-nya di-anjur dan di-kekelolakan oleh badan atau persatuan2 pemuda pemudi supaya warithan seni dan kebudayaan kita seperti silat kunta, hadrah, dan berbagai2 tarian asli itu terus hidup subur bebas dari pengaruh dan kekuasaan kebudayaan asing.

Identiti dan imej Brunei di-kalangan antara bangsa ada-lah di-pelihara oleh pemuda. Dalam lapangan sukan dan olah raga yang di-setai oleh pemuda2 itu mereka sentiasa bertindak untuk membayangkan kepada dunia bahawa mereka ada-lah mewakili suatu bangsa yang chintakan dan patoh kepada peratoran2 yang tertentu. Pasokan bola sepak pemuda dalam perlawanan bola sepak pemuda antara bangsa di-Manila itu mithal-nya telah jelas mencherminkan sikap ini kerana walaupun pun mereka telah tewas dalam perlawanan2 itu, tata-tertib dan sopan santun kerana menjaga adat resam negara telah menarik perhatian pengadil untuk memenangi sa-buah piala khas kerana permainan yang baik sa-kali dalam pertandingan itu.

Peranan pemuda kerana meninggikan imej negara bukan-nya suatu perkara baharu. Sa-kumpulan pemuda telah berusaha menggubal lagu kebangsaan Brunei dan mendapat pengiktirafan Diraja dalam satu istiadat dalam tahun 1947.



Kempen membersehh bandar maseh di-teruskan

BANDAR BRUNEI. — Bu-roh2 dari Jabatan Bandaran Brunei pada minggu telah memusnahkan beberapa buah reban ayam, pondok2, yang dibuat tanpa kebenaran dan pokok2 buah yang tidak di-pelihara di-sekitar rumah2 pangsa di-Jalan Berakas.

Langkah itu ada-lah sa-bahagian dari kempen jabatan itu untuk memelihara kebersihan Bandar Brunei.

Sementara itu sa-orang juruchakap Jabatan Bandaran mengumumkan bahawa semua tuan2 punya anjing mesti-lah mengambil lesen2 anjing mereka sa-chepat mungkin.

Bayaran lesen bagi sa-ekor anjing jantan ia-lah \$3.00 dan anjing betina \$4.00 sa-tahun.

Juruchakap itu berkata, anjing2 yang di-dapati berkeliaran yang tidak berlesen akan di-hapuskan.

Hanya empat kejadian penyakit malaria di-jumpai

BANDAR BRUNEI. — Projek Penghapus Malaria telah menjumpai empat kejadian penyakit malaria yang di-bawa masuk dari luar negeri pada tahun lepas.

Ini telah di-nyatakan dalam penyata tahunan Projek Penghapus Malaria yang telah diterbitkan baru2 ini.

Ke-empat2 orang yang mengidap penyakit itu telah di-se-rang di-negeri asal mereka sebelum mereka tiba di-negeri ini.

Dalam kempen penghapusan penyakit itu di-negeri ini, rombongan penyembor projek Penghapus Malaria pada tahun lepas telah menyembor ubat

Peladang2 Belais melawat kolam2 ikan di-Sg. Jambu

GADONG. — Sa-ramai 21 orang termasuk beberapa orang wanita dari Persatuan Peladang Kampong Belais Daerah Temburong telah melawat ka - Pusat Ternakan Ikan Jabatan Perikanan di-Sungai Jambu minggu lepas.

Rombongan itu di-ketuai oleh Ketua Kampong Belais Awang Salleh bin Bongsu.

Ketibaan rombongan ka-Pusat Ternakan Ikan itu telah di-alu2kan oleh dua orang Merinyu Perikanan Awang Jusif bin Abu Bakar dan Abdullah bin Haji Halus.

Mereka kemudian-nya telah di-bawa menyaksikan ka-18 kolam2 ternakan anak2 ikan yang di-datangkan dari Hongkong dan Melaka.

Sa-banyak 854 jenis anak2 ikan yang di-pelihara di-kolam itu ia-lah jenis Silver Carp, Tilapia Hornorum, Tilapia Mossambica dan Grass Carp.

Anak2 ikan itu mula di-pelihara di-kolam itu awal bulan Mach dan apabila menjadi biak ia-nya akan di-bahagi2-kan kepada ahli2 Persatuan Peladang di-negeri ini.

Pusat Teranakan Ikan di-Sungai Jambu itu mempunyai kawasan sa-luas 14 ekar yang mula di-usahakan oleh Jabatan Perikanan awal tahun ini. Jabatan Perikanan itu juga berchadang akan mendapatkan lebeh banyak lagi anak2 ikan dari luar negeri.

Rombongan Persatuan Peladang Kampong Belais itu juga telah membuat lawatan ka-Pusat Pertanian Shell di-Sinaut, Pusat Pertanian Kilanas, Stesen Luahan dan Stesen Jerudong.

Gambar atas menunjukkan peladang2 itu ketika berada di-pusat pertanian Kilanas.

Perlawanan bola sepak

TUTONG. — Sa-banyak 15 pasokan akan mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak enam orang sa-pasokan anjoran Persatuan Melayu Keriam, Tutong pada 15 hari-bulan Mei ini.

Sebelas pasokan dari persatuan2 belia, 3 dari sekolah2 dan satu dari jabatan kerajaan.

Perlawanan chara kalah mati itu akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Pekan Tutong mulai pukul 8.00 pagi.

Tahun lalu, perlawanan itu telah di-menangi oleh pasokan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela Tutong.

Kedai Sharikat KEMUKA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Kebajikan Muafakat Kampong Burong Pingai Ayer — KEMUKA akan menubuhkan sa-buah sharikat kerjasama untuk ahli2-nya.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, sharikat menjual barang2 keperluan sa-hari2 itu akan di-buka tidak lama lagi.

Juruchakap itu berkata, ini ada-lah satu daripada tujuan persatuan itu untuk menolong ahli2-nya.



Pameran Seni Lukis: S. M. Dato Gandi memenangi tempat pertama

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Dato Gandi telah berjaya memenangi tempat pertama dalam pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bagi Sekolah2 Melayu bahagian Brunei Tiga yang telah di-adakan di-Sekolah tersebut pada hari Sabtu lepas.

Tempat kedua di-menangi oleh Sekolah Melayu Sungai Besar dan yang ketiga di-menangi oleh Sekolah Melayu Batu Marang.

Pameran kali yang ke-empat di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran itu telah di-rasmikan oleh Awang Mohammad Zain bin Metali, sa-orang ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei-

Muara bagi kawasan Pintu Malim.

Sa-banyak 14 buah sekolah rendah Melayu di-kawasan Brunei Tiga telah mengambil bahagian dalam pameran itu.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Dato Gandi.

Pada hari itu juga, sekolah2 rendah di-Daerah Temburong telah mengadakan pameran sa-rupa itu di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Sementara itu, sekolah2 di-Bahagian Brunei Satu akan mengadakan pameran-nya pada 14 Mei bertempat di-Sekolah Melayu SMJA, Pusu Ulak.

Gambar atas menunjukkan Ketua Kampong Dato Gandi sedang menyampaikan piala rebutan kepada wakil Sekolah Melayu Dato Gandi yang telah mendapat tempat pertama dalam pameran tersebut. Sementara gambar di-sebelah kiri menunjukkan sabahagian daripada hasil pertukangan tangan yang telah di-pamerkan.



Pada hari itu juga pameran sa-rupa itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya bagi sekolah2 Melayu bahagian Tutong Dua.

Pada 16 Mei, Sekolah Melayu bahagian Brunei Dua akan mengadakan pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bertempat di-Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas sementara sekolah2 bahagian Tutong Satu akan mengadakan pameran-nya pada 17 Mei bertempat di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

Lukisan2 dan hasil2 pertukangan tangan yang menang dalam tipa2 pameran akan di-pamerkan sekali lagi dalam Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan Perengkat Negeri yang akan di-adakan pada 24 Mei ini bertempat di-Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Brunei.

Peluang bekerja di-kawasan LNG Lumut

BANDAR BRUNEI. — Sub-Kontrek yang bekerja bagi Ranchangan Gas Asli di-Lumut, Chak Chuen & Co. mempunyai beberapa kekosongan bagi buroh2 yang mahir dan yang tidak mahir, teknisen2 pemandu2, kerani dan juru taip serta lain2 kekosongan.

Satu kenyataan yang di-ku-luarkan oleh Jabatan Buroh menyatakan bahawa pemohon2 untuk kerja2 itu mesti-lah rayat Duli Yang Maha Mulia atau orang2 yang mempunyai kad pengenalan merah.

Gaji ada-lah bergantung kepada pengalaman ia-itu dari \$7.00 sa-hari bagi buroh2 yang tidak mahir dan \$250.00 sabulan bagi sa-orang kerani.

Kenyataan itu berkata, orang2 yang ingin memohon bagi salah satu kerja2 itu hendak-lah datang ka-Pejabat Buroh sama ada di-Bandar Brunei atau Kuala Belait untuk mendapatkan keterangan lanjut.

Kenderaan untuk pergi ka-kawasan ranchangan itu di-Lumut juga akan di-uruskan bagi pemohon2.

Pemohon2 yang di-ambil bekerja akan di-sediakan tempat tinggal di-Lumut.

30 orang guru Ugama lulus Kursus Perguruan

BANDAR BRUNEI. — Saramai 30 dari 39 orang guru2 Ugama pelateh telah lulus dalam peperiksaan Kursus Perguruan Ugama bagi tahun 1969/1970.

Dari jumlah tersebut, 22 orang guru perempuan dan lain-nya ia-lah lelaki.

Peperiksaan tersebut telah di adakan pada 1 hingga 11 Mach lepas dan menjalani latehan mengajar selama sabulan dari 16 Mach, 1970.

Sementara itu Kursus Perguruan bagi tahun 1970/1971 akan di-mulakan pada 24 Mei ini.

Guru2 yang telah lulus peperiksaan tersebut ada-lah sa-perti berikut:—

Ak. Merali bin Pengiran Ismail, Awang Salleh bin Haji Murah, Dk. Siti Khadziah bte Pg. Hussin, Awang Zaini bin Hashim, Hajjah Siti Hawa bte Haji Bakar, Dayang Norsiah bte Ahmad, Awang Metussin bin Haji Metali, Dayang Azizah bte Ahmad, Ak. Sulong bin Pg. Besar, Dayang Hasnah bte Ahmad.

Awang Kassim bin Qurish, Dayang Maimonah bte A. Ibrahim, Awang Sharbini bin P. Kh. Awang Juned, Hajjah

Sa'adi bte Dato Seri Paduka Haji Manggol, Dayang Siti Hamidah bte Awang Angkat, Dayang Norhani bte Haji Abd. Kadir, Dayang Halimah bte Asmad, Dayang Kula bte Awang Tahir, Rahimah bte Abdullah, Awang Mohammad Taib bin Yahya.

Dayang Habibah @ Minah bte Daud, Dayang Fatimah bte Haji Taha, Dayang Halimah bte Muntill, Dayang Fatimah bte Ibrahim, Dayang Jeliah bte Haji Mohd. Yassin, Dayang Nasdiah bte Haji Tengah, Dayang Siti Aminah bte Haji Mohiddin, Dayang Fatimah bte Pakar, Awang Piut bin Haji Chuchu dan Dk. Aisah bte P.M.A. Haji Ahmad.

Lagi sa-orang lulus ijazah B. Sc.

BANDAR BRUNEI.—Awang Hapni bin Mohammad Salleh telah pulang ka-tanah ayer selepas mendapat ijazah Bachelor of Science dalam jurusan kehutanan dari Universiti Filipina.

Awang Hapni, sa-orang kedet Perkhidmatan Pentadbiran Brunei yang di-tempatkan di-Jabatan Hutan telah pergi ka-Filipina empat tahun yang lalu atas biasiswa kerajaan Brunei.

Sukan tahunan

S.M. Pusu Ulak

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu SMJA Pusu Ulak telah mengadakan sukan tahunan-nya di-padang SMJA di-Bandar Brunei pagi pada hari Ahad lepas.

Madir Kanan Sekolah2 Melayu Brunei, Awang Haji Mohamed Daud bin Serudin telah merasmipada hari Ahad lepas.

Nadzir Sekolah2 Melayu Brunei Satu Awang Haji Mohamed Yassin bin Haji Metassin telah menyampaikan piala2 kepada pemenang2.

Awang Hapni ada-lah pegawai kedua dari Brunei yang telah mendapat ijazah dalam kehutanan.

Yang pertama ia-lah Awang Mahari bin Mohammad Said yang telah lulus dalam tahun lepas dari Universiti North Wales, di-United Kingdom

Awang Mahari sekarang sedang menjalani kursus lanjutan, dalam lapangan kehutanan tropika di-yayasan penyelidikan hutan di-Kepong, Malaysia Barat.

Pemain2 bola sepak belia Brunei dapat pujian

BANDAR BRUNEI. — Pasokan bola sepak belia Negeri Brunei telah pulang ka-tanah ayer pada hari Juma'at lepas setelah mengambil bahagian dalam pertandingan Bola Sepak Belia Asia di-Manila.

Pengiran Idris bin Pengiran Shahbandar Haji Mohammad yang mengetuai pasokan itu berkata, walaupun pemain2 Brunei itu buat pertama kali-nya bertanding dalam pertandingan antara bangsa tidak memperolehi kemenangan dalam satu perlawanan pun, akan tetapi mereka telah mendapat pujian istimewa dari penganjur2 pertandingan itu.

Pengiran Idris berkata, pasokan Brunei telah di-hadiahkan dengan piala khas kerana permainan mereka yang berseih dan baik di-sepanjang pertandingan itu.

Brunei yang telah bermain dalam Kumpulan "A" telah di-kalahkan oleh Hong Kong dengan enam gol berbalas satu dengan Korea Selatan tiga kosong, Negeri Thai 10 kosong. Dalam perlawanan sa-chara persahabatan dengan Ceylon Brunei telah kalah dengan empat gol tidak berbalas.

Burma telah munchol sebagai johan dalam pertandingan itu sementara Indonesia mendapat tempat kedua, Korea Selatan ketiga dan Jepun keempat.

Pengiran Idris berkata, belia2 Brunei akan terus meneruskan bermain melawan pasokan2 tempatan di-negeri ini sa-bagai sa-bahagian dari latihan mereka bagi persiapan untuk pertandingan tahun depan yang akan berlangsung di-Tokyo.

Pembinaan Tugu Peringatan jalan lanchar

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 pembinaan rangkaian Tugu Peringatan Sir Winston Churchill di-Jalan Sultan di-Bandar Brunei berjalan dengan baik.

Kira2 80 peratus dari seluruh projek itu telah selesai.

Sa-orang juruchakap bagi Sharikat Allister MacDonald dan Rakan2, jurutera2 perunding yang mereka bentuk projek itu dan mengawasi kerja pembinaan itu bagi pehak kerajaan berkata, memandang kepada seluruh kemajuan yang telah di-buat projek itu akan siap dalam bulan Jun 1971.

Juruchakap itu berkata, bangunan Pejabat Perikanan Negara akan siap dalam bulan Julai tahun ini.

Kerja pembinaan projek itu yang di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$3.35 juta telah di-mulakan lewat tahun lepas.

Apabila siap nanti rangkaian tugu peringatan itu akan mengandungi sa-buah dewan pameran, equirium, Pejabat Perikanan Negara dan Dewan Peringatan Churchill.

Ranchangan perekonomian di-Brunei

(Dari Muka 2)

Pelabohan antara bangsa yang boleh di-masoki oleh kapal2 yang besar, lapangan terbang antara bangsa yang boleh dituruni oleh sebarang kapal terbang yang modern, sekolah2 yang di-tubuhkan di-seluruh pelusok negara perkhidmatan2 perubatan termasuk tabib memakai helikopter yang jarang terdapat di-negeri2 lain dan perbekalan ayer yang di-harap akan dapat mengatasi kesuntukan2 ayer pada masa ini, bukan saja untuk minuman lebeh2 lagi untuk faedah perusahaan.

Itu-lah beberapa projek2 asas yang telah di-sediakan bulat2 atas perbelanjaan Kerajaan yang mana di-negara2 lain projek2 yang sapefti ini adalah di-laksanakan melalui Kerajaan yang menggunakan wang raayat sendiri yang li-pungut melalui cukai2 dan cukai2 pendapatan. Sekarang dengan kemudahan2 ini dan dengan ketiadaan aneka cukai yang boleh memberatkan raayat ada-lah antara-nya ter-

gantong kapada raayat negeri ini sendiri untuk menggunakan kemudahan2 itu bagi faedah2 menimbolkan perusahaan2 yang memerlukan, misalnya, kuasa eletrik perbekalan ayer, penyambungan2 jalan raya dan penggunaan pelabohan yang di-sediakan itu. Tanpa persediaan2 asas ini barang tentu-nya sesiapa yang hendak mengadakan perusahaan2 yang memerlukan jalan raya perbekalan eletrik dan lain2 itu terpaksa-lah mengadakan kemudahan2-nya sendiri. Tetapi di-Brunei masa'alah ini tidak berbangkit. Malahan kemudahan2 asas ini juga telah meninggikan lagi taraf hidup penduduk2 negeri ini keseluruhannya.

(BERSAMBONG)

34 orang guru pelateh mulakan latehan

BERAKAS. — Sa-ramai 34 orang guru pelateh telah memulakan kursus latehan selama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei di-Berakas pada hari Sabtu lepas.

Guru2 pelateh itu akan di-

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....4



Nama Barang: Chupu.
Penerangan: Chupu ini selalu-nya di-gunakan untuk menyimpan tembakau (digelar sigup Brunei) dan ben-

da2 yang bersangkutan. Chupu ini berbentuk kechil. Sa-benar-nya chupu di-buat dalam berbagai bentuk seperti selindar (cylinder) tetapi mempunyai penggunaan yang sama.

Di-beli dalam tahun 1963 di-Daerah Brunei.

Sukat: Lebar — 4½ inchi.

Tinggi 5½ inchi.

Kursus pertanian bagi peladang2 Kg. Paya Tanajor

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian sedang memberikan kursus pertanian selama seminggu kepada anggota2 Persatuan Peladang Kampong Paya Tanajor di-Ulu Belait.

Semasa kursus itu pengajar2 dari Jabatan Pertanian akan memberikan beberapa chera-mah dan tunjok ajar mengenai semua aspek chara berchuchok tanam yang moden dengan tujuan untuk menambahkan penghasilan dan pendapatan bagi peladang2 itu.

Sa-orang pengajar perempuan yang di-ambil khas oleh jabatan itu akan mengajar chara menganyam tikar dan membuat bakul kepada anggota2 perempuan persatuan itu.

Kursus itu akan tamat pada 16 Mei dengan lawatan ka-pusat pertanian di-Kilanas, ladang ternakan binatang di-Jerudong dan ladang Sharikat Minyak Shell di-Sinaut.

Peladang2 itu juga akan melawat kolam2 ikan di-Sungai Jambu.

1,380 orang akan di-pereksa

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Projek Penghapus Malaria dalam bulan ini akan memereksa sa-ramai 1,380 orang di-10 buah kampung di-bahagian pendalaman Daerah Belait untuk mengetahui sama ada mereka menghidap penyakit untut.

Mulai 6 Mei lepas rombongan itu telah pergi ka-Kampong Tenajor, Kampong Ratan dan pada 9 Mei.

Pada 23 Mei ini mereka akan memereksa orang2 di-Kampong Terawan Rempayoh pada 25 Mei, Kampong Mendaram Besar pada 27 Mei dan Kampong Mendaram Kechil dan Kampong Teraja pada 28 Mei.

Waktu pemereksaan itu ialah pada pukul 10.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari.

\$180.00 sa-bulan bagi tahun pertama dan kedua dan \$190.00 sa-bulan bagi tahun ketiga.

Alaon2 itu akan di-kurangkan kapada \$60.00 sa-bulan jika guru2 pelateh itu di-berikan tempat tinggal dan makan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayaan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Brunei.

a) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT KHAS (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak lebih dari 45 tahun dan lulus sekurang2-nya L.C.E. Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya; mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 5 tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Kanan menjaga barang2 setor seperti berikut: Kenderaan motor, jentera2 dan alat2 yang besar, dan barang2 kejuruteraan 'am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — \$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

b) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT I (5 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak lebih dari 45 tahun dan lulus sekurang2-nya L.C.E. Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 10 tahun dalam kerja2 setor menjaga barang2 setor seperti berikut: Kenderaan motor, jentera2 dan alat2 yang besar, dan barang2 kejuruteraan 'am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D4 — \$500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

c) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 untuk lantikan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya peperiksaan L.C.E. Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D2 EB3 — \$270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

d) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT III (3 jawatan)

Kelayakan2

Chalun2 untuk lantikan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan

akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantik sa-chara berkontrek baksis

sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1970.

Sa-bagai Pemereksa

Tali Ayer dan Parit2

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayaan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

PEMEREKSA TALI AYER DAN PARIT2 (1 jawatan)

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah berumur diantara 20 dan 30 tahun dan lulus Form I Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu. Mereka mesti-lah bersedia untuk bekerja di-kawasan2 penanaman padi di-seluruh negeri. Pengetahuan Kerja2 mengukur ada-lah di-utamakan.

Chalun2 yang di-pileh akan di-kehendaki menjalani lantikan dalam kerja2 mengukur sesudah menjalani satu tempoh perkhidmatan permulaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB 3 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang terpilih yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Mereka yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Jun, 1970.

Di-Jabatan Pertanian

Tugas2:

Chalun2 yang di-pileh akan di-kehendaki menjalani lantikan. Tugas2 jawatan ini terutama-nya ialah mengenai perkembangan dan kemajuan pertanian. Chalun2 mungkin di-kehendaki pergi ka-kawasan2 pendalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.


Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



TAMPI BARAS LAPIHI ATAH, BARAS DI-BASOH LALU DI-ANTAK;
KALAU DI-MALAYSIA DI-GALAR BAGATAH, KITA DI-SINI DI-LAGAU BAMINYAK.

Penghulu2 dan Ketua2 di-seru bersikap jujur dalam menjalankan tugas mereka

BANDAR BRUNEI. — Penu-long Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Yunos bin Haji Hussain telah menyeru Penghulu2 dan Ketua2 Kampung supaya berusaha dengan tekun, jujur dan ikhlas serta mengikut peratoran2 yang dikehendaki oleh Kerajaan dalam melaksanakan tugas masing2.

Beliau membuat seruan itu ketika berucap dalam majlis penyampaian Pingat Puspa kepada 56 orang penghulu dan ketua kampung yang telah diadakan di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Beliau kemudian-nya menerangkan kenapa Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-berikan pingat2 Puspa itu walaupun masa-nya sudah berlalu. Ini ialah di-sebabkan segala pekerjaan dan tanggung jawab Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-hari2 yang lain.

Kata-nya, sa-telah Kerajaan berpuas hati dengan keadaan itu di-mana Penghulu2 dan Ketua2 Kampung bekerja bersungguh2 bagi kepentingan penduduk untuk mencapai keamanan, kemakmoran dan keharmonian di-kalangan rayat, maka Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menganugerahkan Pingat Puspa itu.

Awang Yunos menambahkan kata bahawa Kerajaan tidak ingin mendengar perkara2 yang tidak di-ingini timbul dari kawasan masing2 di-sebabkan ada beberapa orang dari Penghulu2 dan Ketua2 Kampung tidak menjalankan tugas mereka dengan memuaskan dan tidak memberi layanan yang sepatut-nya kepada anak2 kampung.

Awang Yunos menekankan lagi bahawa Kerajaan pada masa ini sedang giat melancarkan rancangan2 untuk memperkembangkan negeri ini ka-arrah kemajuan bagi meninggikan taraf hidup rayat dan rayat-lah di-kehendaki memainkan peranan penting bersama2 Kerajaan bagi mencapai matlamat yang sedang di-laksanakan itu.

Menyentuh mengenai tugas Ja-

batan Daerah Brunei / Muara, Awang Yunos menerangkan bahawa Jabatan itu ia-lah salah satu dari Jabatan2 Kerajaan yang dikehendaki melancarkan rancangan2 luar bandar.

Jabatan itu kata-nya, hanya-lah dapat menjalankan segala rancangan2 sa-takat yang boleh kerana ia-nya mempunyai dasar2 tertentu dan bukan-nya di-buat tanpa di-periksa.

Beliau akhir - nya menyeru Penghulu2 dan Ketua2 Kampung supaya meneliti dengan sa-halus2-nya sa-belum menghadapkan ka-Pejabat Daerah mengenai semua perkara yang bersangkutan dengan kehendak anak2 kampung.

Wakil2 Brunei ka-Perhimpunan Belia di-Tokyo

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei telah mengumumkan nama sa-puluh orang yang akan mewakili negeri ini ka-Perhimpunan Belia Sa-Dunia yang akan di - adakan pada 9 hingga 23 Julai ini di-Tokyo bersempena dengan pameran Expo 70 yang sedang berlangsung pada masa ini.

Mereka itu telah di-pilih dari persatuan2 belia yang telah memohon untuk mewakili persatuan mereka.

Rombongan itu akan di-ke-tuai oleh Setia Usaha Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Ya'akub bin Ahmad.

Awang Ahmad bin Haji Isma'at dari Persatuan SAKAM, Muara akan menjadi timbalan Ketua dan Awang Abdul Latif



Gambar atas menunjukkan Penulong Pegawai Daerah Belait, Awang Mohammad Hassan bin Haji Mohammad Yusof sedang menyampaikan piata rebutan yang di-hadiahkan oleh Jabatan Pelajaran kepada wakil Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin yang telah memenangi tempat pertama dalam pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bagi sekolah2 di - Daerah Belait yang telah di - adakan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada hari Ahad lepas.

Tempat kedua telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Sungai Liang dan ketiga di-menangi oleh Sekolah Melayu Rampayoh.

Sa-banyak 12 buah sekolah di-Daerah Belait termasuk dua buah sekolah menengah telah mengambil bahagian dalam pameran tersebut.

Lebeh 1,600 buah sharikat tidak lagi menjalankan perniagaan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Bahagian Ekonomi Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awang Abd. Aziz Umar Al-Haj, berkata, lebeh dari 1,600 buah sharikat perniagaan di-negeri ini, telah tidak menjalankan perusahaan-nya atau berpindah alamat.

Awang Abd. Aziz Umar Al-Haj berkata, sharikat2 perniagaan itu akan di-batalkan pendaftaran-nya dan tidak akan terchatet dalam Pendaftaran Perniagaan yang akan di-susun oleh Bahagian Ekonomi Jabatan Setia Usaha Kerajaan, sa-lepas pengkajian berpos yang di-jalankan sekarang.

Beliau berkata, bahawa daftar2 pertanyaan yang di-hantar oleh bahagian tersebut kepada sharikat2 perniagaan itu kerana mendapatkan maklumat ekonomi, dalam bulan Mach lalu, telah di-terima balek tanpa jawapan.

Jawapan2 itu akan membolehkan pihak kerajaan un-

tok menyusun chatetan ekonomik bagi di-gunakan sa-bagai panduan kepada perancangan ekonomik di-masa hadapan bagi negeri ini.

Awang Abd. Aziz Umar Al-Haj menyeru badan2 perniagaan yang tidak dapat di-hubungi melalui pos itu, kerana telah berpindah alamat, supaya menghantarkan wakil-nya ka-Bahagian Ekonomi untuk mendapatkan satu salinan daftar soalan itu. Kata-nya, badan2 perniagaan yang tidak mengindahkan akan di-sifatkan sa-bagai tidak lagi menjalankan perusahaan dan tidak akan di-chatetkan dalam Pendaftaran Perniagaan.

Mashuarat agong

KERIAM, TUTONG. — Persatuan Melayu Keriam Tutong, PESAKA akan mengadakan mashuarat agong-nya pada hari Isnin 18 Mei bertempat di-dewan persatuan tersebut.

Mashuarat itu di-jadualkan akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

Dalam majlis tersebut Pegawai Daerah itu juga akan menyampaikan sijil2 kepada 25 orang pelajar kelas dewasa bahagian rendah dan menengah.

Peraduan berzanji

TEMBURONG. — Jabatan Hal Ehwal Uagama di-Pekan Bangar akan mengadakan peraduan Berzanji di-dewan Masjid Utama Muhammad Salleh, pada 14 Mei mulai 8.00 malam, ia-itu sa-bahagian dari sambutan Maulud Nabi di-daerah itu.

Pemenang2 dalam peraduan itu, akan mewakili Daerah Temburong ka-peraduan perengkat negeri, yang akan di-adakan di-Balai Penghadapan Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar, pada 23 Mei mulai jam 8.00 malam.

SAMBUTAN MAULUD

(Dari Muka 1)

supaya berbuat demikian tidak lewat dari jam 4.00 petang 14 Mei esok.

Pasokan2 itu pada mula-nya akan berkumpul di-padang besar Bandar Brunei dan berarak mengelilingi bandar pada jam 2.00 petang.

Perarakan itu akan melalui Jalan Elizabeth, Jalan Sumbiling, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek Lama, Jalan Kianggeh, Jalan MacArthur, Jalan Pretty dan mengelilingi lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin sa-belum balek ka-padang besar.

Perarakan itu akan berkumpul semula di-padang itu untuk mendengar sharahan2 mengenai riwayat hidup Nabi Mohammad s.a.w.

Sambutan2 yang sa-rupa ini juga akan di-Daerah Belait pada 30 Mei, di-Daerah Tutong pada 22 Mei dan di-Daerah Temburong pada 23 Mei.